

SULIT  
5226/1  
Tasawwur  
Islam  
Kertas 1  
Ogos 2011  
1 ¼ Jam



Nama : \_\_\_\_\_

Tingkatan : \_\_\_\_\_

JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
Tingkatan 5  
2011

TASAWWUR ISLAM

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nama dan tingkatan anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan Bahagian B
3. Jawab semua bahagian dalam kertas soalan ini.
4. Bahagian A mengandungi 20 soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 9 dalam kertas soalan ini.
5. Bahagian B mengandungi 20 soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan Bahagian A dan 45 minit untuk Bahagian B.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Markah	
A (Soalan 1-20)	20	
B (Soalan 21-40)	20	
JUMLAH	40	

Disediakan oleh: Guru AKRAM Negeri Terengganu      Dengan kerjasama: MPSM Negeri Terengganu      Dibiayai oleh: Kerajaan Negeri Terengganu

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:  
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Telefon: 609-666 8611/6652/8601      Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

**Bahagian A**  
[20 markah]

1

- Mengakui hanya Allah SWT yang layak disembah dan ditaati
- Paksi utama tauhid Uluhiyyah ialah kalimah syahadah

Prinsip Uluhiyyah yang lain ialah

- A Kekuasaan Allah SWT meliputi langit dan bumi
- B Allah berkuasa memberi sesuatu mengikut kehendak-Nya
- C Allah memiliki nama yang indah dan sifat yang sempurna
- D Orang yang tidak beriman dengan tauhid uluhiyyah menjadi sesat

2

Kekebalan Nazeri daripada sebarang senjata menyebabkan dirinya digeruni oleh masyarakat.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Karamah
- B Maunah
- C Istidraj
- D Sihir

3

Berikut ialah tanggungjawab insan kepada penciptanya **kecuali**

- A menyembah Allah dengan perantaraan sesuatu
- B mentaati suruhan dan menjauhi laranganNya
- C berzikir dan memuji kebesaranNya
- D bersyukur dengan nikmatNya

4

Sistem organisasi sosial yang menganjurkan supaya sumber- sumber kekayaan dijadikan milik negara untuk dinikmati oleh setiap rakyat dengan sama rata.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Sosialisme
- B Liberalisme
- C Sekularisme
- D Materialisme

5


Bersolatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku solat

(Al- Bukhari dan Muslim)

Hadis di atas berbentuk

- A pengakuan
- B perbuatan
- C perkataan
- D penilaian

6



T merujuk kepada

- A Taasub kepada bangsa dan darjat
- B Kebebasan bertindak tanpa batas
- C Pengasingan agama daripada kehidupan
- D Menyebarkan bentuk pemikiran dan ideologi asing

7 Antara yang berikut yang manakah matlamat yang perlu direalisasikan untuk membentuk negara Islam?

- I Menegakkan hukum Allah SWT
- II Merealisasikan keadilan
- III Melaksanakan kebajikan
- IV Meningkatkan ekonomi

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

8 Berikut ialah prinsip kehakiman dalam Islam **kecuali**

- A bersifat rabbani
- B mendidik jiwa manusia
- C mengamalkan akhlak mulia
- D menyeru kebaikan mencegah kemungkaran

9 Manakah antara padanan berikut **bukan** menunjukkan perkaitan antara murunah dengan thabat?

	Murunah	Thabat
A	Galakan berniaga mencari keuntungan	Pengharaman riba untuk keuntungan
B	Menggunakan ilmu untuk kepentingan diri	Menuntut ilmu
C	Berfesyen dalam berpakaian	Menutup aurat
D	Solat ketika sakit	Solat fardhu

10

- Tidak bercanggah dengan fitrah manusia
- Tidak memberi kebebasan mutlak
- Hukuman yang adil dan saksama

Pernyataan di atas merujuk aspek kesederhanaan Islam dalam

- A Akidah
- B Ibadat
- C Undang-undang
- D Kerohanian

11

Anugerah Allah SWT kepada manusia, boleh dimiliki oleh setiap manusia melalui usaha dan ikhtiar.

Pernyataan di atas menerangkan maksud

- A harta
- B konsep harta
- C harta amanah Allah
- D ujian terhadap pemilik harta

12 Antara berikut yang manakah bentuk ujian harta terhadap keluarga?

- A Tersebar wabak yang memusnahkan nyawa
- B Hidup tidak tenteram dikhuatiri hartanya dirompak
- C Banjir lumpur yang merosakkan harta benda mereka
- D Lalai menunaikan ibadat wajib kerana sibuk mencari harta

13 Antara yang berikut yang manakah hikmat membelanjakan harta?

- I Memenuhi keperluan peribadi dan keluarga
- II Mengeratkan perpaduan di kalangan manusia
- III Harta tidak berlegar dalam kalangan orang tertentu
- IV Modal bagi golongan yang ingin memulakan perniagaan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

14 Apakah kepentingan perkahwinan kepada individu?

- I Menyemai sikap bertanggungjawab
- II Melahirkan zuriat yang sah dan baik
- III Melahirkan ikatan persaudaraan yang kukuh
- IV Memberikan ketenangan dan kesejahteraan dalam hidup

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

SULIT

15

Pembatalan ikatan perkahwinan menurut keputusan kadi.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Rujuk
- B Talak
- C Khuluk
- D Fasakh

16

Hukuman yang telah ditetapkan oleh syarak melalui al-Quran dan al-Hadis kerana kesalahan yang melibatkan kecederaan tubuh badan dan nyawa manusia.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Hudud
- B Takzir
- C Qisas
- D Diat

17 Pilih pasangan yang salah

A	Membunuh	Dibunuh balas
B	Qazaf	Sebat 80 kali
C	Mencuri	Dipenjara
D	Minum arak	Sebat 40 kali

18 Pilih ciri-ciri hukum jenayah Islam

- I Ciptaan Allah SWT
- II Boleh digubal oleh pihak yang berkuasa
- III Pelaksanaannya mendapat rahmat Allah SWT
- IV Kuasa pengampunan berada dalam kuasa mahkamah

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan III

19 Antara berikut yang manakah penyelesaian masalah melalui tindakan pemerintah?

- A Menguatkuasakan tindakan undang-undang
- B Melaksanakan hukum Islam dalam semua perkara
- C Menangani masalah negara dengan kerjasama rakyat
- D Melaksanakan pelbagai aktiviti yang berfaedah kepada rakyat

20 Susun langkah-langkah penyelesaian menurut Islam

- I Menguji dan mengaplikasi kaedah penyelesaian masalah
- II Mengenalpasti punca masalah secara terperinci
- III Mengenalpasti kaedah atau strategik
- IV Mengenalpasti masalah

- A I, II, III dan IV
- B IV, II, III dan I
- C I, III, IV dan II
- D III, I, II dan IV

## Bahagian B

[20 markah]

## Soalan 21 hingga Soalan 24

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

Untuk  
Kegunaan  
Pemeriksa

21 Hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia merangkumi semua aspek kehidupan.



22 Lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu untuk dirinya dan tidak dikehendaki menyampaikan kepada orang lain.



23 Kontrak jual beli barangan dengan mengenakan sedikit keuntungan.



24 Menghubungkan hukum yang tidak ada kepada hukum yang ada (cabang) kepada hukum yang ada (asal) kerana persamaan illat (sebab).



## Soalan 25 hingga Soalan 28

Lengkapkan pernyataan berikut:


25 Setiap manusia bertanggungjawab \_\_\_\_\_ alam dengan mengekalkan habitat asal flora dan fauna.

26 Golongan \_\_\_\_\_ hanya menerima al-Quran sebagai sumber hukum.

27 Ibadat adalah satu cara \_\_\_\_\_ antara hamba dengan penciptanya.

28 Islam mensyariatkan \_\_\_\_\_ untuk melahirkan keturunan yang sempurna.

Lengkapkan carta di bawah




Berdasarkan carta di atas

29 S ialah \_\_\_\_\_

30 T ialah \_\_\_\_\_

Soalan 31 dan Soalan 32 berdasarkan carta di bawah.



Berdasarkan carta di atas

31 X ialah \_\_\_\_\_

32 Y ialah \_\_\_\_\_

**SULIT****Soalan 33 hingga Soalan 36***Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.**Tandakan (x) pada pernyataan yang salah.*

- 33 Perceraian merupakan perkara haram dan dibenci oleh Allah SWT.
- 34 Penyelesaian masalah secara Islam adalah menepati kehendak semua manusia.
- 35 Islam telah memberi kelonggaran kepada penganutnya untuk mempelbagaikan fesyen pakaian tetapi tidak menyalahi batas syariat.
- 36 Khalifah bertanggungjawab melaksanakan hukum syariat mengikut situasi dan tempat

**Soalan 37 hingga Soalan 40**

Tulis hukum yang betul bagi kenyataan berikut.

	<b>Keterangan</b>	<b>Hukum</b>
37	Amalan yang sangat digalakkan untuk dilakukan.	
38	Larangan yang mesti ditinggalkan.	
39	Perbuatan yang sangat digalakkan untuk ditinggalkan.	
40	Perintah yang mesti dilakukan.	

**KERTAS SOALAN TAMAT**

<b>Markah Bahagian B</b>



# KERTAS JAWAPAN

## Bahagian A

- 1    (A)   (B)   (C)   (D)
- 2    (A)   (B)   (C)   (D)
- 3    (A)   (B)   (C)   (D)
- 4    (A)   (B)   (C)   (D)
- 5    (A)   (B)   (C)   (D)
- 6    (A)   (B)   (C)   (D)
- 7    (A)   (B)   (C)   (D)
- 8    (A)   (B)   (C)   (D)
- 9    (A)   (B)   (C)   (D)
- 10   (A)   (B)   (C)   (D)

- 11   (A)   (B)   (C)   (D)
- 12   (A)   (B)   (C)   (D)
- 13   (A)   (B)   (C)   (D)
- 14   (A)   (B)   (C)   (D)
- 15   (A)   (B)   (C)   (D)
- 16   (A)   (B)   (C)   (D)
- 17   (A)   (B)   (C)   (D)
- 18   (A)   (B)   (C)   (D)
- 19   (A)   (B)   (C)   (D)
- 20   (A)   (B)   (C)   (D)

<b>MARKAH BAHAGIAN A</b>

1. ( )

2. ( )

3. ( )

4. ( )

5. ( )

6. ( )

7. ( )

8. ( )

9. ( )

10. ( )

11. ( )

12. ( )

13. ( )

14. ( )

15. ( )

16. ( )

17. ( )

18. ( )

19. ( )

20. ( )

21. ( )

22. ( )

23. ( )

24. ( )

25. ( )

26. ( )

27. ( )

28. ( )

29. ( )

30. ( )